

**[BRIGADIER GENERAL DATO' HAJI NAJMI HAJI AHMAD
(RETIRED): THE INSPIRED MAN OF *DAKWAH* MOVEMENT
IN THE MALAYSIAN ARMED FORCES]**

**BRIGADIER JENERAL DATO' HAJI NAJMI HAJI AHMAD
(BERSARA): PENGGERAK *DAIE ASKARI* DAN *DAKWAH*
WASATIYYAH DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

Burhanuddin Jalal

drburhan63@gmail.com (Corresponding Author)

Department of Nationhood, Leadership and Civilisation

Faculty of Defence Studies & Management, National Defence University of Malaysia

Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Amnah Saayah Ismail

amnah@upnm.edu.my

Department of Nationhood, Leadership and Civilisation

Faculty of Defence Studies & Management, National Defence University of Malaysia

Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Sayuti Ab Ghani

sayuti_70@yahoo.com

Department of Nationhood, Leadership and Civilisation

Faculty of Defence Studies & Management, National Defence University of Malaysia

Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak

Brigadier Jeneral Dato' Haji Najmi Haji Ahmad (Bersara) merupakan seorang tokoh ulama yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam kemajuan dan syiar Islam dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia. Kertas ini akan membincangkan secara khusus peranan beliau dalam kemajuan dan pembangunan dakwah Islam dalam organisasi Angkatan tentera Malaysia melalui Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Dalam usaha untuk memartabatkan KAGAT sebagai organisasi dakwah yang cemerlang, beliau telah menerapkan elemen 'Dakwah melalui pendekatan secara harakah dan wasatiyyah' dalam KAGAT melalui pelaksanaan dakwah secara bertahap iaitu tahap *al-ta'arif* (tahap penyebaran fikrah secara umum kepada orang ramai), tahap *al-takwim* (era pembentukan organisasi dan bersedia untuk terus menyampaikan dakwah) dan tahap *al-tanfiz* (tahap pelaksanaan dakwah secara lebih menyeluruh dan berterusan). Kajian perpustakaan, sorotan sejarah, analisis kandungan dokumentasi serta wawancara telah digunakan sebagai metodologi kajian ini. Dapatan kajian terhadap tokoh ulama ini, yang dibuat melalui kajian perpustakaan telah mendapati bahawa tokoh ulama ini telah memberikan impak yang besar terhadap kejayaan KAGAT pada hari ini serta kemajuan pelaksanaan dakwah secara lebih menyeluruh dan berterusan dalam usaha membina Angkatan Tentera Malaysia yang berwibawa serta mempunyai daya tempur yang kuat serta rohani yang mantap.

Kata kunci: Angkatan Tentera Malaysia, daie askari, ulama, tokoh, wasatiyyah

Abstract

Brigadier General Dato' Haji Najmi Haji Ahmad (Retired) is a scholar who has made a significant contribution to the progress and syiar of Islam in the organization of the Malaysian Armed Forces. This paper will specifically discuss his role in the advancement and development of Islamic dakwah in the organization of the Malaysian Armed Forces through the Armed Forces Religious Corps

(KAGAT). In an effort to elevate KAGAT as an excellent dakwah organization, he has applied the element of 'Da'wah through harakah and wasatiyyah approach' in KAGAT through the gradual implementation of dakwah, namely the level of al-ta'arif (the level of dissemination of thought in general to the public), the level of al-takwim (the era of organizational formation and readiness to continue to deliver da'wah) and the level of al-tanfiz (the level of implementation of da'wah in a more comprehensive and continuous manner). Library research, historical analysis, documentation content and interviews were used as the methodology of this study. dakwah more comprehensively and continuously in an effort to build a competent Malaysian Armed Forces with a strong combat force and a strong spirit.

Keyword: Malaysian Armed Forces, Islamic scholar (ulema), preacher, Islamic Religious Corp

Article Received:
14 November 2021

Article Reviewed:
26 November 2021

Article Published:
27 December 2021

PENGENALAN

Proses menyediakan angkatan tentera yang kuat, profesional dan berwibawa bukanlah sesuatu yang bersifat tabii semata-mata. Ertinya bukanlah disebabkan adanya musuh atau terdapatnya ancaman ke atas sesebuah negara menyebabkan sesebuah negara itu membentuk angkatan tentera yang mungkin dapat menangani persoalan keselamatan dan pertahanan. Sebenarnya pembentukan angkatan tentera di sesebuah negara khususnya negara yang dikuasai oleh umat Islam, adalah sesuatu yang diperintahkan oleh Allah SWT. Ini jelas seperti yang telah difirmankan oleh Allah dalam al-Quran, Surah al-Anfal 8:60 yang bermaksud,

Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

Berdasarkan ayat di atas, musuh Islam tetap ada sama ada musuh itu dalam pengetahuan kita atau di luar pengetahuan kita. Sebab itu Allah mengarahkan agar umat Islam sentiasa bersiap sedia dan berwaspada bagi menghadapi sebarang kemungkinan agar mereka tidak akan dikejutkan oleh musuh yang mereka tidak menduga akan menyerang. Kepentingan Angkatan Tentera Malaysia sebagai sebuah organisasi yang diberi kepercayaan yang tinggi dalam mempertahankan tanah air turut diperakui oleh salah seorang bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mahathir Mohammad (BTDM 2002) dalam ucapan perbarisan tamat latihan rekrut pada 31 Disember 2001 yang menyatakan,

Negara terhutang budi kepada tentera yang telah menjalankan tugas dengan penuh setia dan sanggup berkorban demi memastikan keselamatan dan kebebasan negara dari segala bentuk ancaman sejak dari Perang Dunia ke-2. Oleh itu sebagai rakyat kita perlulah bersatu bersama anggota tentera mengekalkan keamanan ini agar kita tidak menjadi hamba kepada penjajah sekali lagi.

Dalam usaha membentuk angkatan tentera yang mantap dan digeruni, kita sewajarnya tahu memilih sesuatu formula yang benar-benar berkeupayaan melahirkan anggota yang cekap dan berwibawa. Aspek-aspek latihan seperti mendisiplinkan anggota, melatih kecekapan menggunakan senjata, membentuk moral anggota supaya taat kepada arahan, kuat bekerja dan tidak melakukan sebarang penyelewengan adalah sesuatu yang perlu dititikberatkan. Namun demikian, kejayaan aspek-aspek tersebut tidak boleh diharapkan tanpa ada satu lagi elemen penting dalam pembentuk diri anggota tentera. Elemen tersebut ialah elemen 'kerohanian' yang ada hubungannya dengan keimanan, ketakwaan, dan kepercayaan kepada agama. (Jabatan Arah KAGAT, 1992).

Kepentingan pengukuhan nilai-nilai rohani ini perlu terus digerakkan bagi memastikan warga Angkatan Tentera Malaysia dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Jeneral Tan Sri Dato' Ismail bin Jamaluddin Panglima Tentera Darat Malaysia, dalam perintah ulung pelantikannya sebagai Panglima Tentera Darat telah menegaskan "Dalam konteks latihan dalam pasukan Tentera Darat, dan untuk membina profesionalisme dan pembangunan insan, aspek latihan berunsur kerohanian hendaklah dititik beratkan. Aspek ini penting bagi mengukuhkan landasan latihan supaya lebih berkesan" (*Berita Tentera Darat*, 2008).

Bagi memastikan warga tentera keseluruhannya dapat dibentuk dan dididik, proses pembinaan yang berterusan melalui latihan yang sistematik amat diperlukan. Pembinaan ini memerlukan kepada dua elemen penting iaitu golongan yang membentuk (para anggota Agama ATM atau KAGAT) dan golongan yang dibentuk (anggota ATM keseluruhannya). Menurut Ahmad Bashil (1989) dalam, bukunya, *Politik dan Ketenteraan - Perjanjian Hudaibiyah*, telah menjelaskan bahawa, usaha-usaha untuk membentuk anggota tentera yang boleh memahami tugas mereka dengan berkesan dan dalam masa yang sama menjadi hamba Allah yang taat memerlukan usaha dakwah dan pendidikan yang berterusan.

Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya ilmu akidah, syariah dan akhlak kepada diri anggota Angkatan Tentera Malaysia, dalam menghakis pengaruh negatif sekularisme dan membentuk mereka menjadi khalifah Allah yang bertakwa. Oleh yang demikian Kor Agama Angkatan Tentera atau KAGAT telah diberikan tugas, peranan dan tanggungjawab bagi membina aspek penghayatan agama dan kerohanian dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia.

Dalam konteks pendidikan ketenteraan, Khalid Ahmad Syantut (2003) dalam bukunya *al-Muslimun wa al-Tarbiyyah al-'Askariah*, telah menyebut tentang lima aspek pendidikan (*tarbiyah*) bagi membina generasi muda untuk menghayati Islam dan semangat jihad. Aspek ini penting kerana dengan adanya pendidikan atau *tarbiyah* ini dapat membina generasi muda yang mempunyai semangat ketenteraan yang mantap dan benar-benar menghayati Islam serta memahami penghayatan jihad. Persiapan atau pendidikan yang dimaksudkan adalah seperti berikut,

- i. *Tarbiyah ruhiyah* (pendidikan spiritual) yang dapat membina kekuatan diri dari cabaran kemewahan dan keduniaan.
- ii. *Tarbiyah fikriyah* (pendidikan intelektual) yang dapat membina dan menghayati pengertian jihad dalam Islam.
- iii. *Tarbiyah nafsiyah* (pendidikan mental), yang dapat mendidik mereka bersedia untuk berkorban harta, dan jiwa raga demi Islam dan negaranya.
- iv. *Tarbiyah badaniyah* (pendidikan fizikal) yang dapat membina tenaga fizikal generasi muda menjadi kuat dan berwibawa serta mampu menggalas cabaran berjuang di medan perang.
- v. *Tarbiyah ijtimaiyyah* (pendidikan kemasyarakatan) yang dapat membina jiwa dan sifat terpuji untuk memahami keperluan masyarakat, sedia membantu, menghayati sikap bermesyuarat dan mampu membebaskan diri dari sikap-sikap negatif dan ego serta mampu menghindari sikap mementingkan diri sendiri.

Dalam usaha untuk membina organisasi tentera yang berteraskan nilai Islam, Brigadier Jeneral Dato' Haji Najmi Haji Ahmad telah memainkan peranan penting ke arah tersebut sebagai Pengarah KAGAT yang kedua sekali gus sebagai menyambung tugas dan peranan yang telah dipelopori oleh Pengarah KAGAT yang terdahulu.

LATAR BELAKANG BRIGADIER JENERAL DATO' HAJI NAJMI HAJI AHMAD

Brigadier Jeneral Dato' Najmi Haji Ahmad merupakan tokoh yang amat berjasa kepada Kor Agama Angkatan Tentera serta Angkatan Tentera Malaysia amnya dalam aspek peningkatan syiar dan dakwah Islamiah dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia.

Beliau di lahir pada 5 Mac 1951 di Kampung Pisang Kupang Kedah. Mendapat pendidikan awal di Pondok Kupang yang kemudian di kenali sebagai Madrasah kahiriyah. Selanjutnya menyambung pelajaran ke Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar pada tahun 1967 hingga tahun 1969. Kemudian meneruskan pengajian di Maktab Mahmud Alor Star Kedah 1969-1970 dan seterusnya melanjutkan pengajian dalam bidang syariah di Universiti al-Azhar Mesir sehingga berjaya memperoleh ijazah sarjana muda syariah. Pada asasnya keluarga beliau mempunyai lahat belakang agama yang kuat, Bapanya Haji Ahmad Abdul Rahman, merupakan Exco Agama Kerajaan negeri Kedah yang dilantik oleh Sultan kedah pada tahun 1953 dan bapa saudaranya Haji Yahya Toha merupakan pengasas Pondok Kupang, kemudian sebagai Yayasan Khairiah Kupang dan kini di kenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Yayasan Khairiah Kupang. Beliau merupakan anak ketujuh daripada lapan adik-beradik dan hampir kesemuanya adik beradiknya telah menyumbang kepada kemajuan pendidikan Islam di Malaysia pada umumnya (Burhanuddin, 2010).

KERJAYA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Memulakan kerja sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Kementerian Pertahanan pada tahun 1979 dan mula menggerakkan unit agama di Kementerian Pertahanan dalam usaha berperanan lebih besar dan beliau melihat pada waktu itu penghayatan serta nilai Islam dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia amat lemah kerana banyak terpengaruh dengan adat, tatasusila dan peraturan yang diwarisi oleh tentera British.

Selanjutnya beliau memulakan usaha-usaha untuk penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sehinggalah Kor Agama Angkatan Tentera berjaya ditubuhkan dengan rasminya pada 16 April 1985 setelah melalui proses yang panjang dan berliku. Setelah KAGAT berjaya beliau memasuki perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia melalui proses tukar lantik perkhidmatan dan ditauliahkan sebagai pegawai Tentera dengan pangkat Mejar mulai 1 Januari 1987 dan selanjutnya menjalani latihan asas ketenteraan selama lapan minggu di Sekolah Tempur Pegawai Muda (STPM) Ulu Tiram Johor. Setelah itu beliau terus berkhidmat di Bahagian Perkhidmatan Anggota, Marakas Angkatan Tentera dengan menjawat jawatan Pegawai Latihan di Jabatan Arah KAGAT, Pegawai Staf 1 Jabatan Arah KAGAT dan seterusnya dilantik menjadi Pengarah KAGAT pada 1 Julai 1995 bagi menggantikan Brig Jen Dato' Abdul Hamid Bin Zainal Abidin (Burhanuddin, 2010).

KEPIMPINAN DALAM KAGAT (MENJAWAT JAWATAN PENGARAH KAGAT MULAI 1 JULAI 1995 HINGGA 4 MAC 2006)

Era kepimpinan Brig Jen Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad sebagai Pengarah KAGAT yang kedua bermula pada 1 Julai 1995 hingga 4 Mac 2006 (Mula menjawat jawatan pengarah dengan pangkat Kolonel). Era tersebut merupakan era pengukuhan KAGAT. Dalam tempoh tersebut ternyata banyak sekali cabaran yang perlu diharungi oleh KAGAT dalam usaha untuk memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada pihak kerajaan bahawa penubuhan KAGAT benar-benar tepat pada masanya khusus untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia serta berganding bahu menjayakan dasar penerapan nilai-nilai Islam telah mula dilaksanakan pada waktu itu (Burhanuddin, 2018).

Ternyata cabaran pada peringkat pertengahan atau pengukuhan penubuhan KAGAT ini juga mencabar, masalah kekurangan sumber manusia, pentadbiran dan logistik serta pandangan pesimis dari sebahagian pihak terhadap KAGAT tidak melemahkan usaha-usaha KAGAT di bawah pimpinan beliau. Hubungan baik beliau dengan pihak kepimpinan tertinggi ATM amat erat sekali walaupun beliau amat terkenal dengan sikap tegasnya.

Perlu dijelaskan juga bahawa, sebelum menjawat jawatan Pengarah KAGAT beliau turut bersama dengan Pengarah sebelumnya iaitu Brigedier Jeneral Dato' Abdul Hamid Zainal Abidin telah berusaha untuk menyelesaikan beberapa masalah pentadbiran, masalah adat resam ketenteraan yang bercanggah dengan Islam dan juga norma kebudayaan Timur. Tradisi ketenteraan British yang telah lama diwarisi oleh Angkatan Tentera Malaysia dan sebahagiannya yang bercanggah dengan syarak perlu diubah dan disesuaikan dengan cara yang selaras dengan kehendak Islam. Ternyata segala usaha-usaha berjalan dengan baik dan dapat diubah secara hikmah dan teratur. Kesungguhan dan kecemerlangan beliau untuk menerajui KAGAT mendapat pengiktirafan sewajarnya oleh pihak barisan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia dengan menaikkan pangkat beliau ke Brigadier Jeneral pada 1 Julai 2003 (Burhanuddin, 2018).

PENUBUHAN KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT)

Seperti yang disebutkan sebelum ini, Brigadier Jeneral Dato' Najmi bin Haji Ahmad merupakan arkitek utama dalam penubuhan KAGAT yang bermula sejak tahun 1979 lagi. Kesedaran untuk terus meninggikan syiar Islam dalam perkhidmatan angkatan tentera tentunya mewarisi kesinambungan perjuangan Rasulullah, para sahabat dan juga para ulama dan ilmuwan Islam terdahulu. Cabaran untuk meneruskan syiar Islam ini memang wujud sejak zaman Rasulullah lagi. Ini seperti yang sebut oleh Majid Khadduri (1969) dalam bukunya *War and Peace in the Law of ISLAM*, telah menyebut,

Allah gave Prophet Muhammad four swords (for fighting the unbelievers): the first against polytheist, which Muhammad himself fought; the second against apostates, which Caliph Abu Bakar fought; the third against the people of the book, which caliph Umar fought with; and the fourth against dissenters, which caliph Ali fought with.

Menyorot kembali proses dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah, ternyata pada peringkat awal hanya menyebarkan Islam secara 'senyap' dalam kalangan kaum keluarga dan sahabat yang terdekat sahaja. Selepas beberapa tahun setelah menerima wahyu yang pertama Baginda mula berdakwah secara terbuka sehingga Baginda mendapat ancaman dari pihak musuh, serta keselamatan diri Baginda sentiasa terancam dan dihina oleh kaum sendiri. Bentuk perjuangan menyebar, meninggikan syiar Islam serta usaha-

usaha penghayatan agama dan dakwah dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia juga mengalami bentuk perjuangan yang sama, cuma yang membezakan ialah dari segi cabaran yang perlu dihadapi.

Seperti mana yang telah disebutkan kesan dari perubahan sosiobudaya dan politik negara dan masyarakat, khususnya menjelang tahun 80an, terdapat usaha-usaha ke arah proses penerapan nilai-nilai Islam di dalam sektor kerajaan dan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam organisasi ketenteraan turut mengalami proses yang sama seiring dengan sektor-sektor awam yang lain. Ekoran dari perkembangan di atas, idea dan usaha mengembangkan perkhidmatan agama sebagai suatu organisasi dalam satu bentuk kor di bawah perkhidmatan ATM mula digerakkan. Di samping untuk mendekatkan anggota agama ke arah *militarization*, terdapat faktor lain yang mendorong penubuhan KAGAT dengan kadar segera, iaitu:

- i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dakwah Islamiah dan penghayatan Islam kepada semua pegawai dan anggota dalam ATM.
- ii. Memberi dan mengembangkan pengajaran ilmu-ilmu Islam khususnya penekanan kepada ketinggian akhlak, sikap dan sifat (*spirit de corps*) di samping memberi kefahaman di dalam erti kata sebenar tentang perkhidmatan tentera mengikut pandangan Islam.
- iii. Melaksana dan menguatkuasakan segala peraturan, undang-undang dan hukum Islam yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Persekutuan dan negeri-negeri.
- iv. Memberi bantuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan semangat keperwiraan anggota tentera seimbang dengan misi perjuangan ATM (Burhanuddin Jalal 1998).

Setelah usaha-usaha awal ke arah penubuhan KAGAT dimulakan sejak akhir tahun 1979, khususnya pada zaman Dato' Patinggi Abdul Taib Mahmud menjadi Menteri Pertahanan, namun idea tersebut hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1980 apabila YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan pada waktu itu telah menggesa penubuhan sebuah kor untuk mengendalikan hal ehwal keagamaan dalam ATM dilaksanakan dengan segera. Penubuhan KAGAT selaras dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam telah dilancarkan oleh kerajaan pada waktu itu. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh kerajaan tidak bertujuan untuk mengislamkan orang bukan Islam. Hasrat kerajaan ialah supaya semua rakyat Malaysia dapat menghayati nilai-nilai murni Islam yang baik dan tidak bercanggah dengan ajaran agama-agama lain, yang merangkumi pelbagai aspek seperti pentadbiran, pengurusan, pendidikan, ekonomi dan sosial. Nilai-nilai universal atau sejagat Islam yang dijadikan asas dasar ini ialah amanah dan bertanggungjawab, ikhlas, berbudi mulia dan bersyukur. Penerapan nilai-nilai ini dapat menghapuskan amalan buruk seperti rasuah, penyelewengan, jenayah, penindasan dan penyalahgunaan kuasa (Yaakob, 1980). Hasilnya pada 24 Jun 1980, Majlis Angkatan Tentera (MAT) melalui persidangan kali ke 197 telah bersetuju dengan penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera atau singkatannya KAGAT. Selanjutnya pada 16 April 1985 penubuhan KAGAT telah mendapat persetujuan dan limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke VIII, Sultan Iskandar Ibni Al-Marhum Sultan Ismail, selaku Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ketika itu dan KAGAT secara rasminya ditubuhkan pada tarikh yang sama iaitu 16 April 1985. Dengan penubuhan tersebut KAGAT merupakan kor yang ke 16 dalam Tentera Darat Malaysia dan penugasannya meliputi ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang merangkumi perkhidmatan Darat, Laut dan Udara (Risalah KAGAT 1986).

Seterusnya pada 29 November 1984, Persidangan Majlis Angkatan Tentera ke 238 telah meluluskan skim perkhidmatan Kor Agama Angkatan Tentera (Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera kali ke-238). Selanjutnya melalui persidangan Majlis

Angkatan Tentera ke 249 pada 29 Mac 1986, pihak MAT telah meluluskan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Kementerian Pertahanan di bawah skim perkhidmatan tentera (Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke 249 pada 29 Mac 1986). Dengan penubuhan KAGAT pada waktu itu dengan jelas ia berhasrat untuk mencapai matlamat berikut,

- i. Memenuhi keperluan agama anggota Islam ATM dan keluarga mereka.
- ii. Menyediakan kemudahan dan pendidikan agama Islam bagi masyarakat tentera di masa aman, kecemasan atau peperangan.
- iii. Membina akhlak murni, keteguhan dan disiplin yang kukuh dalam kalangan anggota ATM berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan.
- iv. Menyelesaikan masalah-masalah pentadbiran agama Islam mengikut perundangan-perundangan yang dikuatkuasakan dari masa ke masa, khususnya dalam hal-ehwal syariah dan hubung kait antara ATM dengan masyarakat awam.
- v. Berusaha mengurus apa jua perkara yang didapati perlu oleh pihak berkuasa demi kebaikan dan perkembangan Islam dalam ATM (*Di Persada Kegemilangan* 2005).

Sejajar dengan penubuhan KAGAT, semua individu yang terlibat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera secara langsung atau tidak langsung disarankan agar memahami tujuan KAGAT ditubuhkan. Ini jelas apa yang telah dinyatakan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat pada waktu itu Leftenan Jeneral Datuk Yaacob Mohd Zain, yang menegaskan bahawa semua pegawai dan anggota tentera mematuhi dan menghormati anggota KAGAT bagi menjamin keberkesanan terhadap pelaksanaan nilai-nilai Islam dan disiplin. Anggota KAGAT (Mohd Radzi, 1987).

PERANAN DALAM PENGUKUHAN DAKWAH SECARA WASATIYYAH DALAM ATM

Brigadier Jeneral Dato' Najmi Haji Ahmad dilantik menjadi Pengarah KAGAT yang kedua dengan tujuan untuk menjayakan dan memantapkan lagi dasar penerapan nilai-nilai Islam khususnya dalam Angkatan Tentera Malaysia. Organisasi Angkatan tentera Malaysia bermula dengan penubuhan Rejimen Askar Melayu pada tahun 1933 oleh pihak British dan tentunya banyak sekali tradisi dan amalan peninggalan pihak penjajah masih diwarisi oleh organisasi ATM. Sehubungan dengan itu, antara usaha-usaha awal yang dilakukan oleh Kolonel Abdul Hamid Zainal Abidin pada waktu itu adalah memberikan penjelasan tentang kepentingan Islam dalam organisasi ketenteraan serta perlunya setiap warga ATM dan para pemimpinnnya memahami Islam dengan sebaik-baiknya.

KAGAT yang ditubuhkan pada tahun 1985 itu, telah menyusun perancangan dan dakwah secara wasatiyyah bagi menjayakan lagi Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam khususnya dalam aspek pentadbiran, pengurusan dan dasar. Beliau menyedari tentang amanah dan tanggungjawab besar yang dipikul iaitu untuk memperkukuhkan Dasar Penerapan nilai-nilai Islam yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1983, Dato' Dr. Mahathir Mohammad dalam Angkatan Tentera Malaysia. Sehubungan dengan itu KAGAT telah memainkan peranan penting melaksanakan amanah tersebut melalui Jawatankuasa Penerapan Nilai-nilai Islam ATM (JIPNI) dengan pihak KAGAT sebagai sekretariatnya. Melalui jawatankuasa ini KAGAT telah berjaya mengimplementasikan perkara-perkara berikut.

Pengharaman Arak dalam ATM

Kor Agama melalui Jawatankuasa Penerapan Nilai-nilai Islam telah membawa usul tentang cadangan pengharaman arak dalam ATM kepada Jawatankuasa Panglima-Panglima Angkatan Tentera (JPP). Sehubungan dengan itu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-panglima kali ke-316 telah meluluskan penguatkuasaan Arahan Pengharaman Arak dalam ATM. Melalui arahan ini, semua anggota, wisma, formasi, pangkalan atau pasukan di tegah mengadakan kegiatan penjualan, penyimpanan atau penggunaan semua jenis arak dalam semua aktiviti dalam melibat acara atau premis dalam ATM (Nazri, 2005).

Meraikan Kejayaan Melintasi Garisan Khatulistiwa

Dalam aktiviti pelayaran satu amalan yang dilakukan oleh mana-man kapal yang berjaya melintasi garisan khatulistiwa merupakan salah satu kejayaan yang besar dan bersejarah. Oleh yang demikian, mana-mana kapal yang berjaya melintasi garisan tersebut akan 'merayakan' kejayaan tersebut dengan satu 'istiadat' yang tersendiri bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Kepercayaan dan aktiviti tersebut turut diamalkan oleh anak-anak kapal yang terlibat dalam pelayaran yang dilakukan oleh Angkatan Tentera Laut Malaysia (TLDM). Menyedari amalan khurafat tersebut, KAGAT telah membuat penyelidikan dan kertas laporan khas kepada pihak Jawatankuasa Panglima-panglima bagi menolak amalan tersebut dari terus diamalkan dalam Tentera Laut Diraja Malaysia. Sehubungan dengan itu, mesyuarat Jawatankuasa Panglima-panglima ATM melalui mesyuaratnya kali ke-316 telah memutuskan Upacara khas bagi merayakan kejayaan melintasi garisan khatulistiwa merupakan istiadat agama lain dan nyata bertentangan dengan syariat dan akidah Islam. Kejayaan tersebut perlu digantikan dengan acara yang lebih sesuai dengan kehendak agama Islam seperti majlis bacaan Yasin dan doa selamat.

Pindaan Dasar Perkahwinan Sesama Anggota Tentera

Berdasarkan peraturan perkahwinan yang diwarisi dari pihak Tentera British, antara lainnya menyebut, "perkahwinan seorang anggota berpangkat pegawai dengan pegawai adalah dibenarkan, akan tetapi perkahwinan antara pegawai dengan anggota lain-lain pangkat tidak dibenarkan". Menyedari hakikat bahawa amalan ini juga bertentangan dengan agama Islam, usaha-usaha untuk mengubah dasar ini pun dilakukan.

Pemansuhan Acara Tepung Tawar dalam ATM

Dalam era tahun 70an, 80an dan awal 90 an banyak sekali majlis atau acara tepung tawar, khususnya dalam majlis perasmian alat-alat ketenteraan yang baru diperoleh. Menyedari tentang amalan ini adalah bertentangan dengan Islam, KAGAT berusaha untuk memansuhkan acara ini dan telah berjaya untuk pemansuhan acara tersebut melalui Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-panglima siri 334.

Pelaksanaan Pakaian Menutup Aurat Anggota Wanita ATM

KAGAT telah membantu dalam usaha pelaksanaan pakaian menutup aurat dan kebenaran memakai tudung kepala khasnya untuk anggota wanita ATM yang beragama

Islam. Pihak Majlis Angkatan Tentera Malaysia telah meluluskan cadangan pengubahsuaian pakaian wanita Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara Diraja Malaysia dari bentuk pakaian lama 'baju berlengan pendek dan kain skirt' kepada pakaian yang lebih sopan, menutup aurat dan sesuai dipakai oleh wanita Muslim yang berkerjaya sebagai pegawai dan anggota tentera wanita.

Perkara Berkaitan dengan Regimental

Pihak KAGAT juga telah memberikan pandangan bagi pihak ATM menghentikan beberapa perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Antara perkara yang disebutkan itu ialah seperti amalan tiupan tetuung bersama amalan khurafat, bertafakur di Tugu Pahlawan, Hormat Quarter Deck, pergerakan menyilang pedang dalam pergerakan kawad (Khairul Fauzi 2013).

USAHA-USAHA PENAMBAHBAIKAN PERJAWATAN KAGAT

Di peringkat awal penubuhan, KAGAT menghadapi masalah sumber manusia yang terhad. Aspek bagi keperluan untuk terus berkembang dalam organisasi dakwah memang satu keperluan khususnya dalam *harakah Islamiah*. Menurut Zawawi Ali dan Mohammad Kamil Abdul Majid (1983) dalam *Gerakan Islam-Kepimpinan, Syura dan Tarbiyyah*, telah menjelaskan bahawa *harakah Islamiah* mempunyai tiga tahap atau peringkat dalam usaha menyampaikan dakwah atau berkembang. Tahap yang dimaksudkan itu ialah *al-ta'arif* (tahap penyebaran fikrah secara umum kepada orang ramai), tahap *al-takwim* (era pembentukan organisasi dan bersedia untuk terus menyampaikan dakwah) dan tahap *tanfiz* (tahap pelaksanaan dakwah secara lebih menyeluruh dan berterusan). Sehubungan dengan usaha-usaha yang dilakukan untuk terus mengukuhkan dan mengembangkan organisasi merupakan salah satu cara untuk membina kekuatan dan keberkesanan organisasi mencapai matlamat dan tujuan penubuhannya.

Struktur asal organisasi Jabatan Arah KAGAT semasa ditubuhkan ternyata mempunyai jumlah perjawatan yang agak terhad dan gred jawatan yang agak sederhana. Kemudian pada tahun 1993, organisasi dan perjawatan di Jabatan Arah KAGAT telah berkembang dan selanjutnya pada tahun 2004, KAGAT di bawah pimpinan Brigedier Jeneral Dato' Haji Najmi Haji Ahmad, organisasi KAGAT sekali mengalami perubahan yang agak besar dengan melibatkan pertambahan jawatan dan kenaikan gred beberapa jawatan utama. Perkembangan yang berlaku itu adalah kerana peranan dan fungsi KAGAT semakin bertambah dan struktur organisasi yang tidak dapat lagi menampung perkembangan fungsi yang berlaku. Kesemuanya itu atas usaha-usaha awal yang telah dilakukan oleh Kolonel Abdul Hamid Zainal Abidin dalam usahanya untuk memperkukuhkan KAGAT (Sutarji 1994). Selepas lima tahun penubuhan KAGAT jumlah keanggotaan agama telah bertambah dan ini telah memberikan impak yang agak berkesan kepada pelaksanaan dakwah walaupun jumlah tersebut masih lagi jauh dari sasaran khususnya jumlah perjawatan yang disasarkan (Mohd Jaafar, 2007).

Selanjutnya setelah 32 tahun KAGAT terus berkembang dengan pertambahan perjawatan yang terdiri dari jawatan pegawai dan anggota lain-lain pangkat. Sehingga bulan November 2014 KAGAT telah mempunyai seramai 206 orang pegawai yang berpangkat antara Mejar Jeneral hinggalah ke pangkat Kapten, seramai 971 orang anggota lain-lain pangkat. Jumlah keseluruhan kekuatan anggota KAGAT sehingga bulan November 2014 adalah seramai 1,177 orang (Jabatan Arah KAGAT, 2014). Berdasarkan jumlah tersebut nisbah antara anggota KAGAT dengan anggota tentera adalah sebanyak 1:840. Ini berdasarkan jumlah anggota tentera adalah seramai 102,000 orang (Burhanuddin, 2011).

DASAR PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM

Dalam tempoh kepimpinan beliau sebagai Pengarah KAGAT, kejayaan terbesar yang dapat dilaksanakan dalam usaha pengukuhan dakwah dalam ATM serta untuk memberikan pendidikan dan penghayatan Islam yang lebih kukuh kepada setiap warga negara Malaysia yang beragama Islam yang masuk berkhidmat dengan Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia pihak KAGAT telah mengusahakan satu dasar yang dinamakan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam. Melalui dasar ini setiap anggota Tentera Malaysia yang beragama Islam, selama sepanjang perkhidmatannya adalah diwajibkan menerima pendidikan khas bagi tujuan pembinaan mental dan spiritual Islam dengan bimbingan-bimbingan dan panduan-panduan tertentu yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa (PMAT 9/91).

Melalui dasar yang telah diwartakan ini, terdapat dua bentuk pembinaan yang dibentangkan dalam dasar ini sebagai tambahan kepada dasar latihan jasmani yang sedia ada, bertujuan melahirkan perajurit yang memiliki ketahanan fizikal, mental dan spiritual. Bentuk pembinaan tersebut adalah seperti berikut menguasai perkara-perkara berikut,

- i. Ketahanan mental, melalui pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencakupi ilmu-ilmu fardu ain dan ilmu-ilmu fardu kifayah.
- ii. Ketahanan spiritual latihan dan penghayatan amal Islam yang sahih dan tepat.

DASAR PEMBINAAN KETAHANAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM

Dalam aspek ketahanan mental, setiap anggota Islam yang berkhidmat dalam perkhidmatan tentera Malaysia hendaklah boleh melaksanakan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dengan betul dan sempurna. Perlakuan, perbuatan atau amalan menyeleweng dari ajaran agama adalah tidak dibenarkan dalam Angkatan Tentera Malaysia, oleh itu selama seseorang anggota itu berkhidmat dengan perkhidmatan tentera mereka diwajibkan,

- i. Memiliki fikiran keislaman yang matang dan mantap serta bersih dari sebarang unsur-unsur negatif yang terpelihara dari terpengaruh dengan aliran-aliran pemikiran salah yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya.
- ii. Menerima pendidikan-pendidikan asas keislaman yang merangkumi Perkara-perkara berikut,
 - a. Pendidikan asas fardu ain.
 - b. Pendidikan asas fardu kifayah.
 - c. Pendidikan jihad.
 - d. Pendidikan kekeluargaan.
 - e. Pendidikan akhlak.
 - f. Pendidikan kepimpinan.
 - g. Pendidikan al-Quran dan Sunah.
 - h. Pendidikan ibadah.
 - i. Pendidikan tamadun Islam.
 - j. Tasawur Islam.

Dalam menjayakan dasar ini, semua Pusat Latihan, formasi, dan pasukan hendaklah wajib menyediakan masa tidak kurang dari 857 jam setahun untuk membolehkan anggota-anggota di bawah pemerintahan mereka mendapat pendidikan seperti di atas. Dalam aspek ketahanan kerohanian semua anggota tentera Malaysia

yang beragama Islam, di sepanjang perkhidmatan akan diberikan latihan dan pendidikan kerohanian agar menjadi tentera yang mempunyai ciri-ciri, Muslim, Mukmin, Muhsin berdasarkan program yang telah diatur dan ditetapkan (Mohamed Radzi Musa & Burhanuddin, 2021)

PERUBAHAN DALAM ORGANISASI ATM

Perkembangan semasa dalam pembangunan organisasi ATM telah mendorong barisan tertinggi dan kepimpinan ATM untuk melihat kembali aspek modal insan anggotanya. Mereka merasakan aspek material semata-mata tidak menjamin kekuatan pasukan dalam erti kata sebenar. Arus pemodenan dari segi teknologi persenjataan, strategi pertahanan dan pembangunan tenaga manusia perlu seiring dengan pengukuhan dari sudut dalaman para pegawai dan anggotanya. Dalam erti kata lain, pemodenan ketenteraan yang ingin dicapai tidak memberi sebarang makna sekiranya ia hanya sekadar membuatkan ATM bermegah kepada kekuatan lahiriah organisasinya semata-mata sedangkan ia goyah dari segi kekuatan dalaman (Abdul Hamid, 1992).

Hasrat dan harapan penubuhan KAGAT juga adalah di atas dasar dan pendirian ATM yang ingin melihat perubahan di dalam organisasinya ke arah penerapan nilai-nilai Islam yang lebih berkesan. Ia mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri sejajar dengan objektif yang telah ditetapkan (Burhanuddin, 1998). Peranan yang perlu dimainkan oleh KAGAT bukanlah untuk membentuk anggota tentera supaya mempunyai semangat kepahlawanan atau keberanian seperti "*Rambo*" ketika menjalankan tugas atau tanggungjawab mereka. Sebaliknya anggota tentera di asuh agar mempunyai semangat juang dengan menjadikan Rasulullah sebagai contoh yang terbaik. Dalam erti kata anggota tentera perlu dididik dengan menghayati seluruh nilai-nilai ketenteraan seperti tegas, garang dan sebagainya tetapi dalam waktu yang sama, mereka perlu menghayati nilai-nilai yang baik seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah dalam hadisnya yang bermaksud, "malamnya mereka beribadat dan siangnyanya mereka pantas seperti kuda perang." Kedua-dua ciri ini perlu diganding bagi membina peribadi tentera yang baik (Mohd Hashim, 1995).

KE ARAH ANJAKAN PARADIGMA DAKWAH *DAIE ASKARI*

Perlu ditegaskan bahawa Brig Jen Dato Najmi Haji Ahmad, sejak dari zaman mudanya terlibat dengan pelbagai organisasi gerakan Islam. Hasil dari pengalaman tersebut beliau ingin menggerakkan KAGAT ke arah lebih dinamik dan cuba untuk mengajak para pegawai dan anggota KAGAT untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan bersifat '*haraki*' dan tidak melaksanakan tugas dan pentadbiran agama dalam bentuk pengurusan dakwah secara pentadbiran semata-mata. Bagi mencapai hasrat ke arah anjakan paradigma daie askari, Brig Jen Dato' Haji Najmi Haji Ahmad, menyarankan agar seluruh warga KAGAT agar kembali menghayati sebagai pendakwah. Istilah '*daie askari*' diperkenalkan sebagai pemangkin atau menyedarkan kembali setiap individu dalam KAGAT merupakan daie yang mempunyai peranan yang cukup besar untuk menyemarakkan penghayatan dan keilmuan Islam dalam kalangan warga ATM seluruhnya. Untuk itu beliau telah menekankan aspek *ruhiyyah*, *ilmu*, *tawaduk* dan *thiqah* dalam pembinaan *daie askari* melalui konsep 13M iaitu,

- i. Meneroka kematangan berfikir.
- ii. Mengukuhkan pembangunan spiritual.
- iii. Membangun kemantapan akhlak.
- iv. Meningkatkan daya kecekapan bertindak.

- v. Menggiat daya rancang.
- vi. Memintas gelombang taksub.
- vii. Mereda gejolak material.
- viii. Menyegar kelesuan minda.
- ix. Menyanggah arus budaya kufar.
- x. Merapat jurang perbezaan.
- xi. Menajam cinta terhadap sunnah.
- xii. Menyemai nilai-nilai murni.
- xiii. Menggiat percambahan ilmu.

Berdasarkan pengamatan yang telah diberikan oleh Brig Jen Dato' Najmi itu, ternyata anjakan paradigma perlu dilakukan oleh setiap warga KAGAT dalam usaha untuk mencapai kejayaan dan matlamat organisasi dalam menyampaikan dakwah Islamiah (Burhanuddin, 2018).

KESIMPULAN

Kini KAGAT telah menjangkau usia 35 tahun. tentunya KAGAT telah mengalami pelbagai pengalaman, peristiwa serta perancangan yang melibatkan organisasi ATM dan juga organisasi KAGAT sendiri. Bermula dengan sejumlah pegawai dan anggota serta penyerapan anggota agama awam ke dalam KAGAT dan juga pendekatan 'tukar kor KAGAT' di peringkat awal dan hingga kini perubahan yang besar terhadap organisasi perjawatan, pangkat serta bilangan pegawai dan anggota yang kian bertambah, sama ada dari segi bilangan, kemahiran, kecekapan, istiqamah dan juga usaha-usaha dakwah yang berterusan dan berperancangan.

Ternyata tempoh 35 tahun KAGAT, telah memberikan perkhidmatan pendidikan Islam, penghayatan dan syiar Islam dalam kalangan anggota dan organisasi ATM, kehadiran KAGAT juga turut memberikan kesan baik dari segi pembinaan imej ATM sebagai sebuah organisasi penting negara yang turut menyokong dasar-dasar kerajaan yang ingin membina sebuah negara Malaysia yang aman dan sentiasa dirahmati Allah. Sesungguhnya Brig Jen Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad sebagai Pengarah KAGAT yang kedua telah memberikan asas yang kukuh untuk kejayaan KAGAT berperanan dalam Angkatan Tentera Malaysia pada masa kini dan seterusnya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Zainal Abidin. (1992). Amanat Pengarah KAGAT Sempena Ulangtahun KAGAT ke-8. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Ahmad Bashil. (1989). *Politik dan Ketenteraan - Perjanjian Hudaibiyah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Berita Tentera Darat Malaysia. (2008). Agama Teras Perkhidmatan. *Berita Tentera Darat Malaysia*. Bil. 256. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat Malaysia
- Berita Tentera Darat Malaysia. (2002). Perajurit Perlu Terus Berkhidmat. *Berita Tentera Darat Malaysia*. Bil. 137. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat Malaysia
- Burhanuddin Jalal. (1996). Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam. *Jurnal Sorotan Darat*. Bil. 30 Disember. Kuala Lumpur: Markas Latihan Tentera Darat.
- Burhanuddin Jalal. (1998). *KAGAT: Wadah dan Profesionalisme*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah Kor Agama Markas Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Burhanuddin Jalal. (2010). *Meniti Kecemerlangan*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT Markas ATM.

- Burhanuddin Jalal. (2011). Penghayatan Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Burhanuddin Jalal. (2018). *Dakwah Askari di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jabatan Arah KAGAT. (1985). Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera kali ke-238.
- Jabatan Arah KAGAT. (1986). Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera kali ke-249.
- Jabatan Arah KAGAT. (1986). *Risalah KAGAT*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT Markas ATM.
- Jabatan Arah KAGAT. (1991). *Perintah Majlis Angkatan Tentera Malaysia*. Bilangan 9/91. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jabatan Arah KAGAT. (1992). *Profesion Ketenteraan dan Bimbingan Rohani*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT Markas ATM.
- Jabatan Arah KAGAT. (2005). *Di Persada Kegemilangan 2005*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Jabatan Arah KAGAT. (2014). *Laporan Tahunan KAGAT 2014*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Khadduri, Majid. (1969). *War and Peace in the Law of Islam*. London: The John Hopkins Press.
- Khairul Fauzi Azmi. (2013). Dasar Pembinaan Kerohanian Islam Angkatan tentera Malaysia. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Radzi Musa & Burhanuddin Jalal. (2021). Hubungan Penghayatan Nilai Islam Anggota Tentera Darat berdasarkan Program Pendidikan Islam Fardu Ain di Lembah Klang. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 4(3), 38-46.
- Mohd Hashim Jamaluddin. (1995). KAGAT Daie Askari. *Majalah al-Islam*. April. Kuala Lumpur. Utusan Publication Sdn Bhd.
- Mohd Jaafar Awang. (2007). *Kertas Laporan Perjawatan KAGAT*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT Markas ATM.
- Mohd Radzi Mohd Zain. (1987). KAGAT Pemangkin Kerohanian. *Mingguan Malaysia*, 29 Mac.
- Sutarji Kasmin. (1994). Masalah Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia. Kertas komandan tidak diterbitkan. Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syantut, Khalid Ahmad. (2003). *Tarbiah Askariah*. Terj. Jakarta: Penerbit Era Intermedia
- Yaakob Abdul Rahim. (1980). *Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Zawawi Ali & Mohammad Kamil Majid. (1983). *Gerakan Islam: Kepimpinan, Syura dan Tarbiah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.